

Malaysia jadi model bebaskan kemiskinan Afrika

Oleh Wan Jailani Razak

HUBUNGAN diplomatik yang sedia baik terjalin antara Malaysia dan Afrika menerusi beberapa siri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) sebelum ini terus diperkasa berikutan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Sudan, Kenya dan Namibia, mulai esok hingga 22 April ini.

Harapan peserta dialog untuk memacu kerjasama di antara Negara Selatan-Selatan dan negara membangun ketika mencambah idea perkongsian pintar di Langkawi itu pasti kembali segar. Apa tidaknya, Afrika dan kaitannya dengan LID serta cabangnya, Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (Saïd) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID) tidak boleh dipisahkan, kerana ia digerakkan atas inisiatif Malaysia.

Pertemuan empat mata yang diatur antara Abdullah dengan ketiga-tiga ketua negara terbabit membuktikan Malaysia sebagai pelopor LID terus komited untuk melihat kejayaan dialog perkongsian pintar itu lebih gemilang. Malah, keupayaan Malaysia menguruskan ekonomi negara dan membangunkan modal insan pasti relevan dengan hasrat negara blok Afrika menangani pelbagai isu berkaitan kemiskinan, kesihatan dan pendidikan yang meresahkan mereka.

Sudan yang kini dipimpin Presiden Omar Hassan Al-Bashir, misalnya, dilihat berminat mencontohi formula Malaysia bagi mengembalikan keamanan dan memperbaiki hubungan antara puak, agama dan kaum yang berbeza selepas hampir empat dekad dilanda konflik dan peperangan. Sebagai negara yang baru mengenali erti keamanan selepas kemelut politik hampir memusnahkan sebahagian negaranya, Sudan perlu mencari satu model untuk dijadikan contoh bagi menyatukan kembali rakyatnya.

Sudan memulakan hubungan dua hala dengan Malaysia dengan menubuhkan kedutaannya di Kuala Lumpur pada 1990 sebelum diperkukuhkan dengan keputusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya Petronas melabur di negara yang kaya dengan minyak itu. Inisiatif diplomatik banyak membantu membuka pintu untuk Petronas.

Kini, apabila bercakap mengenai Sudan, ramai mengaitkannya dengan Petronas dan pembabitannya dalam industri minyak

INTI PATI

Hubungan Malaysia-Afrika

- Malaysia menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dijangka terus berusaha menjayakan misinya bagi membantu pengeksport luaskan pasaran mereka.
- Sudan sebagai pintu masuk untuk mengeksport keluaran dan perkhidmatannya ke benua Afrika secara lebih meluas.
- Kenya wajar galakkan masyarakat perniagaan mewujudkan rangkaian perkongsian pintar dengan usahawan negara ini bagi meluaskan pasaran.
- Pelabur Malaysia wajar menceburi pelbagai industri di negara itu yang dianggap masih 'dara'.

dan gas di negara itu. Malah, dilaporkan Petronas sehingga kini menguasai 30 peratus daripada hasil minyak Sudan sejak mula beroperasi pada Ogos 1999. Pelaburan pertama di Afrika itu ternyata menjadi pintu masuk pertama kepada pelaburan syarikat yang kini menjadi gergasi dunia ke benua terbabit.

Keberanian Petronas meneroka pasaran luar negara dan bersaing dengan syarikat petroleum besar dunia serta keazaman untuk mencatatkan prestasi cemerlang membantunya mencapai kejayaan dinikmatinya sekarang.

Pada masa sama, Malaysia menerusi Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dijangka terus berusaha menjayakan misinya bagi membantu pengeksport Malaysia meluaskan pasaran mereka.

Kini, keluaran Malaysia di dalam pasaran berkenaan diimport melalui Dubai di Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Jumlah dagangan Malaysia dengan Sudan meningkat lebih daripada dua kali ganda, dengan jumlah perdagangan dua hala meningkat kepada RM485.67 juta pada 2005 berbanding RM150.30 juta pada 2004.

Eksport Malaysia ke Sudan bernilai RM485.18 juta pada 2005. Sudan kini mengalami perubahan ekonomi ketara de-

ngan permintaan yang tinggi bagi kemudahan prasarana dan perkhidmatan daripada rakyatnya. Justeru, ia menawarkan peluang pelaburan dan perdagangan yang begitu banyak, sekali gus memperluaskan skop kerjasama ekonomi di antara Malaysia dan Sudan.

Malaysia juga boleh menggunakan lokasi strategik Sudan sebagai pintu masuk untuk mengeksport keluaran dan perkhidmatannya ke benua Afrika secara lebih meluas.

Di Kenya, pertemuan empat mata di antara Abdullah dan presidennya, Mwai Kibaki, dijangka membolehkan pemimpin kedua-dua negara mendalami usaha membangunkan negara menerusi konsep rangkaian perkongsian pintar yang sudah diketahui amat berjaya di Malaysia. Ini berikutan keadaan ekonomi di negara itu dan kebanyakan negara lain di Afrika yang dilihat lambat membangun.

Kenya wajar menggalakkan masyarakat perniagaan supaya mengambil kesempatan daripada hubungan baiknya dengan Malaysia untuk mewujudkan rangkaian perkongsian pintar dengan usahawan negara ini bagi meluaskan pasaran. Bagaimanapun, mereka tidak boleh berharap untuk mengaut keuntungan dalam sehari.

Kerjasama Malaysia dan Kenya juga dijangka terjalin dalam bidang pelancongan, khususnya membangunkan prasarana dan menarik pelancong kedua-dua negara berikutan persetujuan kedua-dua negara menjalinkan kerjasama dua hala lebih erat pada 15 Februari lalu.

Persetujuan itu dicapai dalam pertemuan bersama Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dengan rakan sejawatannya dari Kenya, Morris Dzero, sebelum memeterai memorandum persefahaman (MoU) mengenainya tidak lama lagi.

Kenya kini mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam pelaburan awam, penggalakan pengeluaran pertanian berskala kecil dan perindustrian. Bagi Kenya, jumlah dagangan Malaysia dengan negara itu berjumlah RM223.03 juta, peningkatan 26 peratus daripada RM177 juta pada 2004. Eksport ke Kenya pula bernilai RM196.25 juta pada 2005.

Di Namibia, Abdullah seterusnya dijadual mengadakan pertemuan dengan presidennya, Hifikepune Pohamba di ibu negara itu, Windhoek, yang kini rancak membangun dengan prasarana yang lebih

moden. Dengan penduduk hanya 1.8 juta orang, tetapi memiliki keluasan tiga kali ganda seluruh Malaysia, ekonomi Namibia belum begitu kukuh walaupun pendapatan perkapita rakyatnya diletak pada tahap AS\$2,000 (RM7,400).

Jurang antara penduduk kaya dan miskin amat besar. Kadar kemiskinan pada paras 85 peratus, dengan penduduk berkulit hitam berselerak di negara yang begitu luas, menyebabkan kos untuk membina infrastruktur begitu tinggi.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tinggi tidak mencerminkan kekayaan sebenar negara itu. Walaupun kaya kerana memiliki pelbagai jenis galian daripada berlian, emas kepada uranium, jumlah penduduk Namibia yang miskin terlalu ramai.

Latihan dan pendidikan pasti menjadi cabaran utama Namibia, kerana penduduk berselerak menyukarkan mereka membangunkan sistem pendidikan berpusat.

Bagaimanapun, negara itu dirahmati bukan saja kekayaan galian, bahkan ia turut memiliki alam sekitar indah dipenuhi binatang liar yang sering menjadi paparan di kaca televisyen. Dua gurun terkenal dunia Namib dan Kalahari turut memberikan Namibia persekitaran unik.

Dalam hal ini, Malaysia boleh dijadikan contoh yang baik dalam membangunkan negara itu yang pernah dicengkam kesengsaraan ketika zaman apartheid melanda benua Afrika, abad lalu.

Pelabur dari Malaysia wajar merebut peluang menceburi pelbagai industri di negara itu yang dianggap masih 'dara', selain kelebihan memasuki pasaran Amerika Syarikat dan Eropah tanpa cukai, di samping pasaran ke lebih 200 juta penduduk benua Afrika lain.

Malaysia pernah menyertai sebagai pasukan pemerhati ketika Namibia mencapai kemerdekaan dan hubungan itu diperkukuhkan dengan keanggotaan di dalam Kerjasama Selatan-Selatan dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).

Kesediaan Malaysia untuk terus mengentuai negara membangun dan negara miskin Afrika bagi mencari penyelesaian bersama membuktikan Malaysia tidak pernah 'berehat' daripada memperjuangkan sistem dinamik dan saksama. Lebih banyak negara sepatutnya mencontohi Malaysia yang terus meningkatkan kerjasama dengan negara Afrika dalam usaha mewujudkan satu dunia baru.